



**TEKS UCAPAN
YBRS. TS. DR. SITI A'IASAH BINTI HASHIM
KETUA PENGARAH
AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN NUKLEAR MALAYSIA
BIL. 7/2021**

**TARIKH:
29 JULAI 2021 (KHAMIS)**

**SECARA VIRTUAL
(MENERUSI APLIKASI ZOOM)**

Bismillahirrahmanirahim

Terima kasih En Rafizi selaku pengacara majlis perhimpunan bulanan anjuran Bahagian Teknologi Sisa dan Alam Sekitar (BAS) pada pagi ini.

YANG BERUSAHA DR. ABDUL RAHIM BIN HARUN

Timbalan Ketua Pengarah Program Penyelidikan dan Pembangunan Teknologi

YANG BERUSAHA DR. ROSLI BIN DARMAWAN

Timbalan Ketua Pengarah Program Perkhidmatan Teknikal

YANG BERUSAHA EN. MOHD SIDEK BIN OTHMAN

Pengarah Kanan Program Pengkomersilan

YANG BERUSAHA EN. ROSLEEZAM BIN JAMAUDIN

Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan yang menanggung jawatan Pengarah Kanan Program Pengurusan

YANG BERUSAHA DR. KAMARUDIN BIN SAMUDING

Pengarah

Bahagian Teknologi Sisa dan Alam Sekitar

Dan juga selaku hos majlis perhimpunan kita pada bulan ini.

Pengarah-pengarah bahagian, pengurus-pengurus,

Para penyelidik dan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian,

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera,

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT, kerana atas izin dan limpah kurniaNya pada pagi yang penuh keberkatan ini, dapat kita sekali lagi bertemu secara atas talian dalam Majlis Perhimpunan

Bulanan Bil. 7/2021. Semoga semua warga Nuklear Malaysia berada dalam keadaan sihat walafiat di bawah Rahmat Allah sentiasa.

2. Saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua warga Nuklear Malaysia, yang komited menyertai majlis pada pagi ini yang dianjurkan oleh Bahagian Teknologi Sisa dan Alam Sekitar (BAS).

PENGORBANAN DALAM NORMA BARU

Tuan-tuan dan puan-puan warga Nuklear Malaysia yang saya kasihi sekalian.

3. Tema perhimpunan pada bulan ini ialah 'Pengorbanan dalam Norma Baharu' bersempena dengan sambutan Hari Raya Aidiladha pada 20 Julai yang lalu. Saya harap masih belum lewat untuk saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada semua warga Nuklear Malaysia yang hadir pada pagi ini.
4. Menyentuh mengenai pengorbanan di kala cabaran pandemik ini, mungkin boleh mengalirkan air mata. Sudah dua tahun kita tidak dapat berziarah di hari raya. Lagu rancak 'Balik Kampung' tidak lagi relevan untuk raya pada dua tahun ini. Saya yakin ramai warga Nuklear Malaysia adalah perantau yang berada jauh dari kampung halaman dan sudah lama tidak berjumpa ibu bapa. Ada juga merupakan pasangan jarak jauh terpisah dari anak-anak dan pasangan disebabkan oleh larangan merentas sempadan daerah dan negeri. Ahli-ahli kariah tidak dapat mengimarahkan masjid dan surau berdekatan. Manakala, anak-anak kecil tidak lagi mendapat hak

bermain dan bersosial meneroka dunia luar. Kita semua sedang merasai kesan pandemik ini.

5. Tuan-tuan dan puan-puan, *all of these shall pass*. InsyaAllah. Apabila kita sudah berjaya mencapai imuniti kelompok seperti yang sedang giat diusahakan oleh pihak Kerajaan ketika ini, adalah diharapkan kehidupan kita akan kembali normal.
6. Pengorbanan ini bukannya semata kerana kita takutkan hukuman yang dikenakan oleh pihak berkuasa, ia juga demi menjaga nyawa insan-insan yang kita sayangi dan juga diri kita sendiri.

SUKARELAWAN PPV BANGI AVENUE CONVENTION CENTRE

Hadirin yang dihormati sekalian,

7. Seperti yang semua sedia maklum, Nuklear Malaysia telah dipilih oleh CITF Persekutuan dan Kerajaan Selangor sebagai Agensi Perintis bagi Program Agensi Angkat pertama yang bertanggungjawab ke atas urusan Petugas Penjawat Awam Bukan Kesihatan di Pusat Pemberian Vaksin (PPV) Bangi Avenue Convention Centre (BACC) bagi membantu petugas barisan hadapan dalam urusan penyampaian vaksin kepada penerima.

8. PPV BACC di Bangi telah mula beroperasi sepenuhnya pada 5 Julai 2021. Ini merupakan pusat yang akan menjadi tumpuan bagi mereka yang telah mendapat temu janji menerusi aplikasi MySejahtera. Warga emas dan mereka yang dikalangan orang kurang upaya juga akan menjadi keutamaan petugas dengan pelbagai kemudahan disediakan dalam usaha memudahkan proses vaksinasi untuk mereka.

9. Alhamdulillah, seramai lebih 130 orang warga Nuklear Malaysia telah menawarkan diri untuk menjadi petugas di PPV BACC samada secara sepenuh masa, separuh masa ataupun sambilan. Pengorbanan masa dan tenaga tuan-tuan dan puan-puan sangat membanggakan Nuklear Malaysia dan tentunya memberikan sumbangan besar dalam mempercepatkan kadar vaksinasi di Malaysia. Malaysia dijangka mencapai imuniti kelompok sebelum akhir tahun ini.

10. Seramai 98,956 orang telah hadir menerima vaksin, sehingga malam semalam dengan kebanyakan mereka adalah penduduk di sekitar Kajang, Bangi dan Semenyih. Bilangan penerima vaksin yang menepati temu janji ini semakin konsisten iaitu sebanyak 5000 hingga 5400 penerima sehari. Ini menunjukkan penerima vaksin telah memberikan keyakinan dan kepercayaan kepada PPV BACC ini. Dijangka bilangan ini akan terus dikekalkan apabila kita memasuki fasa pemberian dos ke 2 dan juga peningkatan walk in pada awal Ogos nanti. Syabas kepada kepada semua petugas khususnya hero/heroin dari Nuklear Malaysia yang menggalas tanggung jawab memastikan proses pemberian vaksin berjalan lancar.

11. Sebagai menghargai jasa petugas Nuklear Malaysia di PPV BACC, saya dimaklumkan bahawa warga BAS telah mengambil inisiatif membuat kutipan sumbangan untuk petugas-petugas Nuklear Malaysia dan telah menyerahkan keperluan berupa air kotak, pek roti dan pek biskut bernilai RM1,500 pada Hari Raya Aidiladha yang lalu. Saya juga ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada agensi-agensi dan individu-individu yang sudi tampil memberikan sumbangan. Tahniah saya ucapkan di atas usaha yang murni ini. Kelab Sukan dan Kebajikan Agensi Nuklear Malaysia juga sedang membuat kutipan sehingga 30 Julai ini. Bagi yang ingin menyumbang, bolehlah berbuat demikian dengan segera.

**BENGGEL PENGUKURAN PENCAPAIAN PERTENGAHAN TAHUN
SASARAN KERJA TAHUNAN (SKT) / PETUNJUK PRESTASI UTAMA
(KPI) 2021 AGENSI NUKLEAR MALAYSIA**

12. Untuk makluman semua, Bengkel Pengukuran Pencapaian Pertengahan Tahun SKT / KPI 2021 Nuklear Malaysia telah dilaksanakan selama dua hari pada 12 dan 13 Julai yang lepas. Terima kasih saya ucapkan kepada BPA di atas penganjuran bengkel tersebut. Matlamat utama bengkel ini adalah tetap sama iaitu bagi berkongsi, berbincang dan seterusnya menilai mengenai pencapaian setengah tahun pelaksanaan sasaran kerja tahunan (SKT) dan petunjuk prestasi utama (KPI) jabatan.
13. Sepanjang bengkel tersebut dijalankan, kita dapat melihat dan menilai prestasi semasa pelaksanaan setiap sasaran kerja yang telah ditetapkan bagi setiap 5 program utama untuk tahun 2021 dalam memastikan setiap sasaran tersebut berjaya dicapai pada penghujung tahun ini.

14. Sehubungan itu, saya mengharapkan agar segala perancangan kerja, proses pemantauan dan pengukuran prestasi setiap program dan aktiviti yang dirancang sentiasa disasarkan sebagai elemen penting dalam SKT dan KPI.

AKTIVITI R&D DI NUKLEAR MALAYSIA

Hadirin yang dihormati sekalian,

15. Dalam masa yang sama seperti yang Tuan/Puan sedia maklum MOSTI telah melancarkan Dana Malaysia Grand Challenge (MGC) pada Januari 2021 yang lalu bagi mengajak masyarakat bersama-sama mengatasi permasalahan serta menambah baik kehidupan masyarakat, sistem ekonomi dan persekitaran sama ada di peringkat nasional mahupun global. MGC mencari penyelidikan berkualiti dan berimpak tinggi mengikut bidang keutamaan yang telah dikenalpasti melalui kerangka 10-10 MySTIE dan juga 30 Niche Areas yang telah dibangunkan. 10 bidang keutamaan tersebut adalah tenaga, pendidikan, air dan makanan, pertanian dan perhutanan, alam sekitar dan biodiversiti, bandar pintar dan pengangkutan, perubatan dan penjagaan kesihatan, kebudayaan, kesenian dan pelancongan, perkhidmatan perniagaan dan kewangan serta teknologi dan sistem pintar merangkumi kejuruteraan dan pembuatan generasi baharu.

16. Bagi menggalakkan pembabitan penyelidik Nuklear Malaysia dalam permohonan MGC, satu Sesi NG2G: Taklimat Dana Malaysia Grand Challenge (MGC) untuk TeD 1 & TeD 2 telah disampaikan oleh Pengurus RMC, Dr. Rasif bin Mohd. Zain yang memberikan lagi pencerahan kepada semua pegawai penyelidik berhubung dana yang ditawarkan ini. Projek-projek sedia ada yang berpotensi juga telah dicadangkan untuk membuat permohonan. Diharap pegawai penyelidik mengambil peluang ini untuk mengembangkan projek masing-masing agar dapat memberikan manfaat kepada pembangunan Malaysia.

17. Untuk pengetahuan semua, pihak RMC juga sedang giat memantau kemajuan projek-projek R&D yang dijalankan di Nuklear Malaysia. Saya mohon semua ketua projek memberikan kerjasama dengan memberikan maklumbalas kemajuan projek masing-masing. Bengkel Pemantauan Kemajuan Projek R&D Yang Aktif Sehingga Jun 2021 akan diadakan pada 3-6 Ogos 2021 dan saya berharap semua pegawai penyelidik yang terlibat bersedia untuk membentangkan kemajuan projek masing-masing.

18. Saya dimaklumkan BAS juga aktif dalam menjalankan projek-projek penyelidikan dan pembangunan. Mengikut rekod, terdapat 14 projek kolaborasi BAS bersama IAEA, 7 projek dalaman berdana dan 6 tanpa dana serta 2 penyertaan Program Researcher-Industry Scientific Exchange (RISE). Selain dari itu, BAS juga sedang melaksanakan 3 projek dibawah dana pembangunan. Semoga warga BAS akan terus aktif untuk memperkasakan projek-projek R&D berkaitan teknologi sisa dan alam sekitar.

19. Selain projek R&D, BAS terlibat dalam menawarkan kerja-kerja perkhidmatan dengan agensi luar di mana telah dapat menyumbang pendapatan Agensi melebihi RM 1 juta setiap tahun melalui program pengkomersialan.

20. Walaupun dengan kekangan untuk hadir bekerja di pejabat dan membuat kerja makmal, saya percaya warga Nuklear Malaysia mempunyai kreativiti tersendiri untuk menjalankan tugas masing-masing. Saya dapati ada juga warga Nuklear Malaysia yang aktif membantu BPM dalam menyampaikan ilmu berkaitan teknologi nuklear kepada masyarakat umum melalui FB Live dan sebagainya. Syabas saya ucapkan.

PENUTUP

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

21. Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengucapkan Selamat Datang kepada kakitangan yang baharu ke Nuklear Malaysia. Selamat bertugas dan jangan risau, Nuklear disini tidak bahaya.

22. Kepada kakitangan yang telah berpindah, saya merakamkan jutaan terima kasih di atas sumbangan tuan-tuan dan puan-puan selama ini. Selamat maju jaya di tempat baharu dan teruskan kecemerlangan tuan-tuan dan puan-puan. Kepada yang bersara, ucapan terima kasih yang tidak terhingga atas sumbangan tuan-tuan dan puan-puan.

Setiap titik peluh tuan-tuan dan puan-puan tidak dapat diletak nilainya. Semoga Allah swt memberikan ganjaran yang terbaik.

23. Diharapkan agar tuan-tuan dan puan-puan sentiasa berada di bawah perlindunganNya. Saya turut berdoa agar mereka yang terlibat dan dijangkiti dengan Covid-19 agar terus diberi kekuatan dan kesembuhan segera.
24. Saya juga berharap seluruh warga Nuklear Malaysia bekerja dengan rajin, ikhlas, amanah, bertanggungjawab dan yang paling penting berdisiplin.
25. Terima kasih diucapkan kepada penganjur majlis pada hari ini iaitu Bahagian Teknologi Sisa dan Alam Sekitar (BAS). Tidak lupa juga kepada semua warga kerja Nuklear Malaysia yang terlibat dalam menjayakan perhimpunan pagi kali ini termasuklah Unit Komunikasi Korporat (UKK), Bahagian Sokongan Teknikal (BST) dan Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) di atas komitmen yang telah diberikan.

Lindungi diri, lindungi semua

Sekian, terima kasih.

Wabillahitaufik Walhidayah.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.